

18/08/2003

Dr Mahathir terpicat budak sembilan tahun sertai dialog

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad tertarik dengan penyertaan seorang kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun dalam Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID-Global 2003) di sini.

Perdana Menteri berkata, kanak-kanak itu menjadi ahli Club 29; kumpulan yang diwakili profesional dan usahawan muda dalam siri dialog perkongsian pintar antarabangsa itu.

Kanak-kanak itu, Mxumao, berkesempatan menemui dan berbual dengan Dr Mahathir selama 10 minit pagi kelmarin.

Bercakap kepada wartawan Malaysia sebelum berlepas ke Damsyik, Syria, Perdana Menteri berkata kanak-kanak itu juga berminat mengenali dan mengunjungi Malaysia.

"Kita mungkin cari jalan supaya dia dapat sertai Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) tahun depan," katanya.

Perdana Menteri juga berpuas hati dengan penyertaan golongan muda menerusi Club 29 dalam siri dialog pintar itu.

"Golongan muda begitu bersemangat tapi masih kurang pengetahuan mengenai halangan dalam membuat perubahan. Hendak melakukan perubahan bukan mudah," katanya.

Mengenai pencapaian siri dialog antarabangsa itu yang diilhamkannya bermula dengan LID pada 1995 sebelum diperluaskan ke benua Afrika menerusi SAID dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID), Dr Mahathir berkata:

"Kita sekarang ini lebih dikenali dan dihormati. Pendapat kita juga didengar dan diberi perhatian serius.

"Ini satu kepuasan bagi saya. Dulu Malaysia tidak dikenali, malah dikatakan terletak di Singapura tapi sekarang orang bukan saja tahu Malaysia malah boleh menceritakan mengenai Malaysia dan lukis menara berkembar Petronas." katanya.

Beliau berkata, dialog perkongsian pintar itu turut menarik minat banyak negara kerana berpeluang mendapat pelbagai pengetahuan dan pengalaman.

"Sebab itu bila sesetengah pihak di Malaysia sendiri pada mesyuarat di Langkawi tahun lalu mencadangkan agar LID dihentikan, negara Afrika dengan keras menolaknya," katanya.

Dr Mahathir berkata, penyertaan aktif kerajaan dan syarikat Malaysia di Afrika sebenarnya bukan kerana LID, tetapi memang menjadi dasar negara untuk merapatkan hubungan dengan negara membangun termasuk di benua itu serta Asia Barat dan Latin Amerika.